

Daya saing kita menguasai bahasa

TIDAK syak, kebolehan dan daya saing kebanyakan rakyat Singapura berbahasa Inggeris dan ibunda kerana pelaksanaan dasar dwibahasa sejak merdeka.

Untuk itu, kita wajar memberi penghargaan besar kepada mantan Perdana Menteri Lee Kuan Yew kerana daya azamnya yang besar meneruskan dasar dwibahasa di Singapura. Bahkan, kini tersedia Dana Dwibahasa yang bakal terisi dengan \$100 juta.

Meninjau sejarah, belajar bahasa merupakan suatu kemestian untuk mewujudkan peradaban yang bersifat kosmopolitan iaitu pencapaian cemerlang hasil percampuran pelbagai bangsa dan bahasa.


Boleh dikatakan tamadun atau peradaban kosmopolitan pertama ialah Islam, menurut kalangan sejarawan seperti Arnold Toynbee. Mengapakah demikian?

Sebabnya, pada zaman Rasulullah *saw*, terdapat para sahabat daripada pelbagai bangsa seperti Habsyi, Parsi, Rom (Bizantium), Mesir sehinggalah dilaporkan datang dari India (rujuk: Cheraman Perumal, raja negeri Chera atau kini Kerala di India). Islam juga menetapkan asas bahawa tiada beza antara orang Arab dengan Ajam (bukan Arab).

Belajar bahasa asing merupakan antara gesaan Rasulullah. Sahabat Zaid Ibn Thabit meriwayatkan dalam hadis riwayat Bukhari: “*Sesungguhnya Rasulullah saw* menyuruh aku belajar bahasa Yahudi untuknya.”

Zaid ialah penulis dan pembaca surat kepada Rasulullah dan diamanahkan sebagai perakam Al-Quran.

Kepentingan menguasai bahasa asing pada masa itu adalah memastikan perhubungan yang tepat, menghindari penipuan dan mengembangkan Islam.



**PADA HEMAT
SAYA
MOHD RAMAN
DAUD**
raman@
sph.com.sg



Bahkan, ulama (termasuk dalam bidang agama dan bukan agama) telah memberi ulasan pada karya ahli falsafah Barat yang amat berguna dan berkesan sehingga kini.

Sewaktu kebangkitannya, aksara Arab menjadi sepenting aksara Rumi hari ini. Daripada bahasa Melayu sehingga Tamil, aksara Arab digunakan. Peranan besar pedagang Arab dan keilmuan Islam telah menjadikan bahasa Arab semacam bahasa antarabangsa.

Pun sesudah Revolusi Perusahaan yang menjadikan Britain sebagai adikuasa dan diikuti pula oleh Amerika Syarikat sejak Perang Dunia sehingga kini, maka Inggerislah menjadi bahasa antarabangsa.

Mentelah, banyak terobosan teknologi sehingga rakaman urusan dagang dan perundangan diluaskan dalam bahasa Inggeris.

Encik Lee merupakan antara ‘produk’ zaman bahasa Inggeris yang masih belum berakhir. Beliau menyedari bahawa ikatan Singapura dengan bahasa Inggeris merupakan suatu kelebihan yang perlu terus dikembangkan agar watan ini terpahat dalam grid antarabangsa.

Mentelah Inggeris memang bahasa praktikal dan luwes – dapat menyerap pelbagai bahasa termasuk Melayu (seperti kekata ‘lancar’ dijadikan Inggeris sebagai ‘launch’). Mentelah Britain lewat jajahannya yang terserap dalam Komanwel terus menjana kebangkitan bahasa Inggeris.



Selanjutnya, kelebihan daya azam Encik Lee ialah menilai zaman kebangkitan semula China, sebuah gergasi komunis. Mentelah Encik Lee menyedari mengenai ikatan sejarah dan pertalian darah dengan majoriti rakyat Singapura.

Beliau juga tidak teragak-agak menyatakan bahawa antara tokoh China yang disanjunginya ialah mendiang Deng Xiaoping.

Deng diangkat sebagai ‘pemimpin agung’ yang mewariskan dasar satu negara dwisistem untuk membolehkan China bangkit semula sebagai adikuasa serupa zaman Di-

nasti Ming (sewaktu kebangkitan Kesultanan Melaka dalam abad ke-15 Masihi).

Bahkan, banyak pengamat Barat mengakui jika kemerosotan terus berlarutan di Amerika, China terdorong menjadi nombor satu kerana begitu besar saiz penduduk, sumber alam dan otot perusahaannya.

Jadi, mungkinkah kelak penduduk dunia cuba menguasai bahasa Mandarin? Memang ada dan ia sudah berlaku di banyak negara.

Encik Lee mengakui betapa sukar menguasai Mandarin yang tidak berabjad seperti bahasa Arab atau Inggeris. Sebaliknya, ia sekadar gambaran dan dengan sebutan nada berbeza. Ertinya, Mandarin tidak memiliki nilai praktikal dan luwes seperti Inggeris.

Satu lagi faktor yang perlu ditimbang ialah rakyat China sendiri kian cuba menguasai bahasa Inggeris atau menjadi dwibahasa.

Namun, begitulah dengan suasan bahasa. Siapa berkuasa, dialah tuannya – penentu bicara. Terdahulu, orang Melayu perlu menguasai bahasa Sanskerta iaitu bahasa tinggi yang disebarkan lewat agama Hindu dan Buddha.

Kemudian bahasa Arab memasuki rantau ini dan mencetuskan tulisan Jawi. Bahasa Melayu, menurut banyak pakar seperti Pendeta Dr Za’ba, dapat berkembang kerana memanfaatkan aksara Arab. Kemudian bahasa Melayu dikembangkan lewat aksara Rumi sejak penjajahan Barat.

Jadi, apakah untuk menak, orang Melayu terutama yang terpelajar perlu belajar bahasa Mandarin kelak?

Soalan ini sepatutnya tidak perlu dihujah kerana sebagai Muslim juga, kita menyedari anjuran atau gesaan Rasulullah untuk menguasai pelbagai bahasa demi dapat bersaing dan sekali gus meluaskan syiar Islam.